

Headline	FBM KLCI cecah paras tertinggi baru 1,851.94 mata		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	B1
ArticleSize	137 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,208		



FBM KLCI cecah paras tertinggi baru 1,851.94 mata

Keyakinan yang semakin meningkat terhadap momentum ekonomi Malaysia serta pemulihan kukuh harga komoditi telah menyuntik minat belian baru dalam kalangan pengurus dana di bursa saham semalam.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Peruncitan Affin Investment Bank, Dr Nazri Khan berkata prestasi bulis penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) adalah seperti yang dijangkakan di sebalik sentimen lemah dalam pasaran saham global.

Indeks penanda aras pasaran saham tempatan itu mencecah paras tertinggi barunya 1,851.94 mata pada jam 3 petang semalam didorong oleh aktiviti memperelokkan akaun menjelang tahun baru 2014.

Ia mengakhiri dagangan semalam pada 1,850.9 mata, meningkat 13.02 mata atau 0.7 peratus daripada 1,837.88 mata kelmarin, selepas mengalami turun naik antara 1,837.22 mata dan 1,851.94 mata sepanjang hari.

Atasi rekod sebelum ini

Rali pasaran melonjakkan indeks untuk mencecah paras tertinggi beberapa kali semalam mengatasi rekod sebelum ini iaitu 1,846.92 mata yang dicatatkan pada 10 Disember lalu.

Saham Axiata Group meningkat 12 sen kepada RM6.87, Petronas Gas naik 40 sen kepada RM23.20 manakala Petronas Chemicals meningkat tujuh sen kepada RM6.83.

Sebanyak 1.081 bilion saham bernilai RM1.545 bilion diniagakan.

Nazri juga berkata, Bursa Malaysia mencatatkan peningkatan minggu ini diterajui oleh belian institusi tempatan menjelang akhir tahun.

"FBMKLCI mencatatkan peningkatan yang baik kerana daya penarik Bursa Malaysia sebagai sebuah pasaran yang berdaya tahan, kecairan domestik yang kukuh serta daya tahan terhadap penarikan keluar pelabur asing.

"Ironinya, portfolio dana asing masih negatif," katanya kepada BERNAMA.

Nazri berkata, pelabur mengumpulkan beberapa saham yang menarik, antara lain syarikat minyak dan gas dan syarikat yang berkaitan perladangan seperti TNB dan SapuraKencana.

Selepas mencecah paras tertinggi baru dan sedang bergerak menuju ke tahun baru, Nazri yakin terhadap arah aliran bulis jangka terdekat bagi Bursa Malaysia.